

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9/12/2018

Malaikat pun buat silap

m/s: 4
UM - 9/12/2018

Oleh FARHANA JONI
pengarang@utusan.com.my

■ PETALING JAYA 8 DIS.

TUN Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan Pakatan Harapan (PH) bukanlah sempurna sehingga tidak melakukan sebarang kesilapan.

Menurut Perdana Menteri, sebagaimana malaikat yang ada kalanya boleh melakukan kesilapan, jadi bukanlah sesuatu yang mustahil untuk mereka juga berbuat tindakan serupa.

"Kadang-kala apabila kita pergi ke jalan yang salah, kita akan patah balik tetapi hanya jika perlu. Kita bukan manusia yang sempurna walaupun sebahagian daripada kita adalah malaikat.

"Malaikat pun kadang-kala melakukan kesilapan, jadi apabila malaikat buat silap, mereka juga patah balik," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusi Mesyuarat Majlis Presiden PH di Menara Yayasan



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Anwar Ibrahim dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di Menara Yayasan Selangor, Petaling Jaya, semalam. - BERNAMA

Selangor di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu dan Timbalan Pengerusi DAP Kebangsaan, Gobind Singh Deo.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai kritikan pelbagai pihak berhubung tindakan beberapa kepimpinan Kabinet PH melakukan pusingan U selepas memutuskan dasar-dasar kerajaan seperti penangguhan mekanisme pembayaran baharu pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

(PTPTN) yang diumumkan semalam.

Berhubung keputusan penangguhan potongan gaji berjadual (PGB) yang sepatutnya dilaksanakan PTPTN awal tahun depan, Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu mengubah mekanisme pembayaran tersebut.

"Banyak yang protes, (jadi) kami mengambil kira semua pandangan tersebut. Kami mahu ubah suai, (dan) kita akan umum dalam tempoh terdekat," kata beliau.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai prestasi Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan yang menerima kecaman banyak pihak khususnya dalam kalangan para peminjam sejak beliau menerajui organisasi itu, Dr. Mahathir berkata:

"Benda tak sangka berlaku, macam PH menang pilihan raya umum, manusia ada kelemahan dan tidak tahu apa nak jadi dengan kita, macam keluar jalan kena langgar kereta, minta maaf, ujar beliau.